

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Jumaat, 15 Januari 2021 8:44 pg
To: UUM - All Staff
Subject: PINDAAN TERKINI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERKAITAN
PENGANJURAN MESYUARAT OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)



Jabatan Pendaftar
REGISTRAR'S DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

15 JANUARI 2021
02 JAMADILAKHIR 1442H

PINDAAN TERKINI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BERKAITAN PENGANJURAN MESYUARAT OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

Y.Bhg. Dato' /Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, selaras dengan pindaan terkini SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 12 Januari 2021 dan dihebahkan kepada umum pada 13 Januari 2021, maka Pengurusan Universiti bersetuju membenarkan penganjuran mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja dengan mematuhi perkara berikut:-

- a) penjarakan fizikal;
- b) mewajibkan pemakaian pelitup muka; dan
- c) penggunaan hanya 50% daripada kapasiti bilik mesyuarat.

3. Namun begitu, walaupun kebenaran ini diberikan, Pengurusan Universiti amat berharap seperti apa yang disarankan oleh pihak MKN, semua Pusat Tangungjawab (PTJ) adalah digalakkan mengadakan Mesyuarat secara *virtual*.

4. Selaras dengan keputusan ini, maka, arahan Universiti tidak membenarkan mesyuarat secara bersemuka seperti yang dinyatakan pada perkara 4., dalam Surat Pekeliling Pendaftar Bi. 2/2021: Pengoperasian Pejabat UUM Di Bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertarikh 12 Januari 2021 adalah dipinda seperti perkara 2. di atas.

5. Sebagai langkah tambahan, PTJ juga dikehendaki untuk membuat pemeriksaan suhu badan ahli mesyuarat, menyediakan cecair sanitasi tangan serta mensanitasi bilik mesyuarat sebelum dan selepas digunakan.

Sekian untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Prof./tuhan/puan.

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.